

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 DISEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI akan cadang mesyuarat jawatankuasa bersama dengan Korea Selatan	Bernamea.com
2	Korea Selatan sumber inspirasi Negara maju: PM	Berita Harian
3	'M'sians need some Seoul inspiration'	The Star
4	PM: S. Korea can inspire us to be economic giant	New Straits Times
5	Sasar antara 10 negara terbaik	Harian Metro
6	Congratulations : 2014 Conferment of Fellowship of the Academy of Sciences Malaysia	New Straits Times
7	Belanja RM5j: MOSTI guna peruntukan daripada bajet untuk Buy Back Policies mulai tahun depan	Harian Metro
8	Angin kencang, laut bergelora dijangka hingga Jumaat	Sinar Harian
9	Strong winds, rough seas expected until Friday	The Star
10	Amaran angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga jumaat	Bernamea.com
11	ANGKASA nafi bumi bergelap	Berita Harian
12	Peluang saksikan pancuran Meteor Geminids	Utusan Malaysia
13	Orang ramai berpeluang saksikan pancuran meteor geminids hujung minggu ini	Bernamea.com
14	SIRIM holds industry night	New Straits Times



Mosti Akan Cadang Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Dengan Korea Selatan

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) akan mencadangkan untuk mesyuarat jawatankuasa bersama dengan Korea Selatan tahun depan bagi membincangkan lebih lanjut potensi perkongsian dan kerjasama sedia ada dalam sains, teknologi dan inovasi di antara kedua-dua negara.

Dalam satu kenyataan Selasa, kementerian itu berkata, ia mengalu-alukan cadangan dari Korea Selatan untuk Program Kerjasama Loji Tenaga Nuklear di bawah gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur.

Untuk teknologi nuklear, kata kementerian itu, Malaysia telah memberi tumpuan kepada aplikasi dan penggunaan teknologi nuklear dalam pembangunan pertanian, industri, perubatan, perlindungan persekitaran dan modal insan.

"Kami berharap program di bawah inisiatif ini dapat dipertingkatkan lagi untuk merangkumi bukan sahaja Agensi Nuklear Malaysia, tetapi juga institusi pengajian tinggi di Malaysia," [kata Menteri, Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

Ewon berada di Seoul bagi mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam lawatan rasminya ke republik berkenaan.

Kementerian itu berkata, ia akan menjalin kerjasama dua hala dalam sains forensik di antara Jabatan Kimia Malaysia dan Perkhidmatan Forensik Nasional Korea.

Sementara itu, SIRIM Malaysia dan Institut Industri Persekitaran dan Teknologi Korea sedang mengadakan perbincangan untuk membawa Sistem Pengesanan Teknologi Persekitaran ke Malaysia sebagai satu daripada inisiatif kerjasama mereka.

Mengenai kerjasama keselamatan siber, katanya, Cybersecurity Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan beberapa pertubuhan di Korea, termasuk Perkhidmatan Forensik Nasional dan Agensi Keselamatan Internet Korea.

Kementerian berkata, kedua-dua negara boleh memanfaatkan kelebihan kompetitif masing-masing dalam sektor teknologi bio untuk membangunkan perkongsian yang baik untuk masa depan.

-- BERNAMA

Korea Selatan sumber inspirasi negara maju: PM

» Teladan buat negara kita jadi kuasa ekonomi dalam tempoh singkat



Ahmad Naim Tahir

ahmadnaim@bh.com.my

► Seoul

Malaysia boleh menjadikan Korea Selatan sebagai sumber inspirasi dalam merintis usaha menjadi negara maju, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Korea Selatan menjadi kuasa ekonomi dalam tempoh yang boleh dianggap agak singkat, sememangnya teladan terbaik buat Malaysia.

“Sebagai negara yang tiada sumber, beriklim sejuk pada tempoh tertentu, Korea Selatan perlu ada naluri untuk kelangsungan hidup. Naluri itu amat kuat dalam diri rakyatnya yang ditanam sejak mereka kecil.

“Sudah tentu jika mereka tak dapat bangunkan atau cari sumber kekayaan dengan guna akal dan fikiran, mereka akan jadi mangsa persekitaran,” katanya pada majlis makan malam bersama kira-kira 150 pelajar Malaysia di Korea Selatan, di sini malam tadi.

Yang turut hadir isterinya,



Najib bersama Rosmah bersalaman dengan pegawai kerajaan dari Malaysia dan Republik Korea sebaik tiba di Lapangan Terbang Seoul, semalam. [FOTO BERNAMA]

Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin; Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin; Utusan Khas Perdana Menteri ke Asia Timur, Datuk Seri Tiong King Sing dan Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan, Datuk Rohana Ramli.

Najib yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini hingga Jumaat ini, berkata rakyat Korea Selatan juga amat berdisiplin dan melakukan sesuatu secara habis-habisan, mengatasi segala cabaran serta penuh fokus untuk memastikan apa yang dibuat berjaya.

Beliau menyifatkan rakyat

negara ini dilatih dalam suasan disiplin begitu kuat atau 'iron clad discipline' bersama kawalan tegas atau 'regimented training'.

Dominasi golf dunia

“Dalam golf wanita contohnya, Korea Selatan mendominasi peringkat dunia. Dulu, Park Se-Ri dilatih ibu bapanya sejak kecil, berjalan turun naik tangga ke apartmen mereka, bukan naik lif.

“Ia untuk menguatkan otot kaki dan paha hinggalah dia berjaya menjadi pemain golf wanita utama dunia.

“Perlu kerja kuat, berdisiplin dan fokus kepada objektif untuk berjaya. Sebagai sebuah negara pula, perlu atasi semua cabaran yang ada untuk mencapai kejayaan,” katanya.

Sebab itu, katanya, Malaysia meneruskan Dasar Pandang ke Timur menerusi gelombang kedua kerana banyak manfaat boleh diperoleh daripada negara di rantau ini.

Perdana Menteri juga mengimbau sejarah ketika kereta keluaran Korea Selatan diperlekehkan, tapi kini menjadi antara yang terbaik di dunia, selain kejayaan negara ini dalam teknologi telefon pintar dan produk televisyen LED.

“Buat pelajar Malaysia di sini, anda datang dan belajar, dapat inspirasi serta lakukan perkara yang sama seperti orang Korea bila pulang ke tanah air nanti.

“Contohi komitmen, keghairahan untuk berjaya dan tanamkan juga jati diri sebagai rakyat Malaysia,” katanya.

